

25 OCT 1999

MAHATHIR JUMPA RAKYAT UNTUK BERI PENJELASAN, BUKAN TAKUT KALAH P/RAYA

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggiatkan pertemuannya dengan rakyat sejak kebelakangan ini bertujuan memberi penerangan berhubung keadaan ekonomi dan politik semasa negara dan bukan kerana bimbang akan kalah dalam pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali berkata perjumpaan itu juga bertujuan memberi penjelasan berhubung fitnah dan dakwaan terhadap kerajaan yang disebar oleh parti pembangkang kepada rakyat.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Radin Malleh (PBS-Tenom) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Radin dalam soalnya mendakwa perjumpaan itu dibuat sebagai usaha Dr Mahathir untuk mengekalkan kedudukannya memandangkan ada tanda-tanda Barisan Nasional pimpinan beliau akan kalah dalam pilihan raya nanti.

Menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Ibrahim berkata Petronas memperolehi keuntungan selepas cukai berjumlah RM8.281 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac lepas, berbanding RM11.039 bilion pada tahun kewangan sebelumnya.

-- BERNAMA

NM LAT